



## **SIARAN MEDIA**

### **PELANTIKAN PENGURUSAN TERTINGGI AGENSI NUKLEAR MALAYSIA YANG BAHARU**

---

**BANGI, 14 APRIL 2022** – YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (Gred Utama C Secara Khas Untuk Penyanggah), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkuatkuasa **11 April 2022** menggantikan YBrs. Ts. Dr. Siti A'iasah binti Hashim yang telah bersara pada 1 Januari 2022.

Pelantikan YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun dibuat berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan beliau khususnya dalam bidang penyelidikan bagi membolehkan beliau menerajui kepimpinan di Agensi Nuklear Malaysia dan seterusnya meneruskan kecemerlangan bagi mencapai matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia pada tahun 1988, Ijazah Sarjana dalam bidang *Applied Genetics* dari *University Of Birmingham*, U.K pada tahun 1998 dan seterusnya Ijazah Kedoktoran dalam bidang Genetik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2010. Sebelum ini, beliau menjawat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi). Beliau merupakan pakar nuklear dalam bidang pembaikan mutasi tanaman. Beliau juga pernah menjalankan beberapa misi pakar bagi pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di Laos dan Mauritius.



Selain itu, YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan pula telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi), memangku Gred Utama C di Agensi Nuklear Malaysia berkuatkuasa mulai 11 April 2022. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Pertama Kejuruteraan Mekanikal dari *University of the Pacific, U.S.A* pada tahun 1990 dan mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Putra Malaysia pada tahun 2015. Sebelum ini beliau menjawat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Teknikal) dan merupakan pakar nuklear dalam bidang Kemudahan dan Utiliti Aplikasi Nuklear serta Sistem Keselamatan Reaktor Nuklear.

Berdasarkan kelayakan, pengalaman, kemahiran dan ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh mereka ini membolehkan Agensi Nuklear Malaysia akan terus mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dengan cekap dan berkesan demi matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan. Agensi Nuklear Malaysia mengucapkan sekalung tahniah di atas pelantikan tersebut.

**###TAMAT###**

Dikeluarkan oleh :  
Unit Komunikasi Korporat Agensi  
Nuklear Malaysia  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)  
14 April 2022

---

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, HUBUNGI:  
PUAN NORLIZA BINTI ABDUL MIHAT  
KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA  
[norliza\\_a@nuclearmalaysia.gov.my](mailto:norliza_a@nuclearmalaysia.gov.my)  
012-2351824